

## SOALAN NO. 193

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ANUAR BIN ABD  
MANAP [SEKIJANG]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan semasa serta kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan dan negara bagi tempoh satu tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11).

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi *Rolling Plan* Pertama (RP-1), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tahun 2016, sebanyak RM43 bilion diperuntukkan bagi pelaksanaan 4,999 projek pembangunan seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,071 projek atau 21.4% telah siap manakala 3,928 projek atau 78.6% masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.